

20 MAY 2000

MALAYSIA-BHAGWATI

MALAYSIA PULIH DGN CARA ELAK 'SALAMAN MAUT' IMF

SINGAPURA, 20 Mei (Bernama) -- Profesor ekonomi terkenal Jagdish Bhagwati berkata ekonomi Malaysia pulih dengan lancar kerana ia telah mengelak "salaman maut" oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika krisis kewangan Asia.

"Kebanyakan orang akan bersetuju sekarang bahawa set pertama dasar IMF adalah deflasi yang melampau bagi Asia. Dasar Mahathir berjalan dengan lancar kerana ia berjaya menyelamatkan diri daripada "salaman maut" yang boleh membunuhnya," katanya dalam satu ceramah di sini, semalam.

The Straits Times melaporkan Bhagwati sebagai berkata ekonomi Malaysia pulih bukan semata-mata kerana kawalan modalnya tetapi kerana melakukannya dengan caranya sendiri, dengan mengelak daripada "salaman maut pembunuh" IMF.

Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mendapat kecaman hebat antarabangsa apabila ia memilih untuk memperkenalkan kawalan modal terpilih pada September 1998 untuk mengekang aliran modal pesat dan spekulasi terhadap matawangnya.

"Ia kini berjaya membuktikan kejayaannya sendiri," kata Bhagwati, profesor ekonomi dan sains politik Columbia University, di mana antara pelajarannya termasuklah pakar ekonomi Paul Krugman dan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Lawrence Summers.

Dengan menarik perhatian kepada kritikan yang diterima oleh Malaysia disebabkan oleh kawalan modalnya, Bhagwati berkata negara-negara yang memilih laluan liberalisasi kini meletakkan diri dalam keadaan bahaya.

Itulah sebabnya mengapa beliau menasihatkan India untuk tidak tergesa-gesa melepaskan kawalan modalnya kerana ia bakal menimbulkan kesukaran kemudiannya.

Bhagwati juga menyangkal hujahan Krugman bahawa keajaiban ekonomi Asia adalah khayalan fatamorgana yang muncul secara tidak sengaja akibat daripada pelaburan modal yang besar.

Beliau berkata pertumbuhan yang dinikmati oleh harimau-harimau Asia adalah satu "keajaiban" dan negara-negara tersebut berjaya kerana mereka beorientasikan eksport dan yakin ia akan pulih dengan segera.

-- BERNAMA

TCL ZK MA